

CNS4238

U GB 03-05 00139 BA072

bah

Mahathir - Doktor

JANGAN TERLALU CEPAT BERHENTI, KATA DR MAHATHIR KEPADA DOKTOR KERAJAAN

JITRA, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati para doktor, khususnya doktor baru yang berkhidmat di hospital kerajaan, supaya jangan terlalu cepat berhenti untuk menyertai swasta bagi mengejar upah yang lebih tinggi.

Beliau mengingatkan bahawa kerajaan mengeluarkan belanja yang besar untuk membiayai pelajaran mereka di universiti dan beliau berharap mereka akan bertugas seberapa lama yang boleh dengan kerajaan.

"Saya berharap doktor-doktor kita janganlah terlalu mengira soal duit sangat," katanya ketika merasmikan Hospital Jitra, di sini hari ini.

Menurutnya, para doktor juga harus mengutamakan soal perkhidmatan sebagai menjaga kehormatan diri, agama, bangsa dan negara.

Beliau juga memberikan nasihat yang serupa kepada para jururawat di hospital kerajaan. -- Lagi.

▼03/05/17-57MST

CNS4239

U GB 03-05 00138 BA073

bah

Mahathir - Doktor 2 Jitra

Dr Mahathir berharap lebih ramai kalangan rakyat menyertai profesion perubatan bagi mengatasi masalah kekurangan doktor dan jururawat.

Katanya, kerajaan sedar kadang-kadang terdapat rungutan orang ramai mengenai layanan buruk di hospital kerajaan tetapi sekiranya tidak banyak orang yang berminat menyertai bidang itu bagaimana hospital mempunyai kakitangan yang cukup untuk memberi layanan yang baik.

Menurutnya, antara punca ramai orang tidak berminat untuk menjadi doktor ialah sukatan pelajarannya yang agak susah dan tempoh pengajiannya yang agak lama sehingga enam tahun.

"Kalau kita tidak mahu tanggung kerja yang berat sedikit, akhirnya kita juga yang akan susah," katanya.

Beliau berkata, sekiranya masalah kekurangan doktor dan jururawat tidak dapat diatasi, kerajaan terpaksa mengambil rakyat asing yang mungkin menimbulkan masalah kepada rakyat daripada segi bahasa. -- Lagi.

▼03/05/17-59MST

CNS4245

U GB 03-05 00165 BA074

bah

Mahathir - Doktor 3 Jitra

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata, kerajaan sentiasa berusaha, termasuk mendesak kakitangan hospital, supaya mengurangkan kecuaiian.

Ketika diminta mengulas kejadian kecederaan atau kecacatan yang dikatakan berpunca daripada kecuaiian kakitangan hospital yang semakin banyak kebelakangan ini, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada betul atau tidak kes-kes seperti itu kini banyak.

Menurutnya, kes-kes seumpama itu juga mungkin banyak pada masa dahulu tetapi tidak dilaporkan oleh akhbar tetapi dengan sistem maklumat yang semakin baik, kesilapan seumpama itu sentiasa mendapat pendedahan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan semua pihak bahawa sekiranya terlalu banyak kes kecuaiian doktor dibawa ke mahkamah bagi menuntut sagu hati dan pampasan, profesion perubatan mungkin terpaksa membayar insurans yang lebih tinggi dan kesannya, mereka akan mengenakan bayaran yang lebih tinggi kepada pesakit.

Katanya, keadaan seumpama itu berlaku di Amerika Syarikat apabila doktor-doktor mengadakan pelbagai pemeriksaan yang mahal dan membazir terhadap pesakit semata-mata takut dituduh melakukan kecuaiian. -- Lagi.

▼03/05/18-01MST

CNS4250

R GB 03-05 00199 BA075

bah

Mahathir - Doktor 4 (Akhir) Jitra

"Akhirnya orang ramai yang memikul beban," katanya.

Beliau berkata, mesti ada keseimbangan antara kepentingan pengguna dan kepentingan profesion, pembekal dan sebagainya.

Menurutnya, beliau akan menyentuh mengenai perkara itu dalam ucapannya dalam satu seminar mengenai hospital swasta pada zaman ini pada Hari Pengguna Sedunia yang akan datang.

Terdahulu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Mohamad Farid Ariffin yang mewakili Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai berkata, kementerian kesihatan sentiasa berusaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada semua penduduk di Malaysia, khususnya di luar bandar.

Beliau juga berkata, peruntukan RM195 juta disalurkan kepada Kedah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam untuk pembinaan hospital baru dan kemudahan kesihatan dalam dan luar bandar.

Hospital Jitra berharga RM12 juta itu dibina di kawasan seluas 16 hektar pada 1989 dan disiapkan pada September tahun lepas. Perkhidmatan pesakit luar mula beroperasi pada Oktober tahun lepas manakala pembukaan wad bersalin, wad lelaki dan perempuan mulai November tahun itu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff dan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali. -- Bernama.

KHY NM.

▼03/05/18-03MST

CNS4256

R GB 03-05 00141 BH322

BAH

Mahkamah - Aerial

TIGA TAHUN PENJARA KERANA MEROMPAK BERSENJATAKAN AERIAL RADIO

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Mahkamah Majistret di sini hari ini menjatuhkan hukuman penjara 36 bulan terhadap seorang tukang cat dan penjara 30 bulan terhadap seorang penganggur kerana merompak seorang lelaki dengan bersenjatakan aerial radio.

Tukang cat Loh Yoke Peng, 29, dari Kampung Baru Temoh, Perak dan Sak Kian Yew, 31 dari Port Dickson, Negeri Sembilan, kedua-duanya mengaku bersalah merompak RM17 daripada seorang lelaki, di perhentian bas Puduraya di sini, pada pukul 5 petang, 10 Feb lepas.

Menurut keterangan fakta kes, mereka menggunakan aerial radio sebagai senjata untuk merompak Boon Loong Fee.

Majistret Maheran Isa memerintahkan Loh yang mempunyai empat rekod jenayah dan Sak yang mempunyai tiga rekod jenayah diletakkan di bawah pengawasan polis selama setahun. -- Lagi.